

Tun Mahathir saran kadar tambatan ringgit dikaji

UM 20 JAN 2005
Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 19 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, masanya sudah tiba untuk Malaysia mengkaji semula kadar tambatan ringgit sebanyak RM3.80 kepada setiap dolar Amerika Syarikat (AS), yang telah diguna pakai selama enam tahun empat bulan.

Dr. Mahathir yang bertanggungjawab menetapkan tambatan itu selaku Perdana Menteri pada 1 September 1998 berkata, nilai semasa ringgit yang terlalu rendah akibat kejatuhan dolar AS wajar dikaji semula kerana ia merugikan negara terutamanya dalam urusan niaga berkaitan mata wang euro atau yen.

Katanya, biarpun kadar tambatan itu telah ditetapkan, Malaysia bebas untuk menukar kadar ringgit yang difikirkan sesuai demi kebaikan negara.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menambah, keputusan untuk mengkaji semula kadar tambatan ringgit itu terletak sepenuhnya di tangan kerajaan.

“**Saya fikir masanya sudah tiba untuk kita kaji semula kerana kita kerugian banyak, macam dulu juga nilai mata wang kita sudah jatuh**”

– Tun Dr. Mahathir Mohamad

“Saya fikir masanya sudah tiba untuk kita kaji semula (penetapan ringgit) kerana kita kerugian banyak, macam dulu juga nilai mata wang kita sudah jatuh.

“Kalau kita membeli menggunakan duit Amerika mungkin tidak begitu terjejas tetapi kalau kita nak beli barang daripada Eropah ataupun Jepun, harganya sudah meningkat,” kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* dan *Bernama* selepas menerima kunjungan Profesor Ekonomi dari Universiti Columbia, New York, Dr. Joseph Stiglitz, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Dr. Stiglitz merupakan pemegang anugerah Nobel 2001 dalam bidang ekonomi yang menjadi antara penyokong langkah Malaysia memperkenalkan kawalan mata wang dan modal pada tahun 1998.

Dr. Mahathir berkata, semangat yang paling penting dalam penetapan nilai ringgit ialah kebebasan untuk kerajaan menentukan kadar yang boleh membawa kebaikan kepada negara.

“Walaupun kita ada kadar tukaran tetap, kita boleh tetapkan pada sebarang kadar yang kita mahu.

“Itu adalah perkara yang paling penting - kebebasan untuk menentukan kadar tukaran. Jadi terpulang kepada kerajaan untuk membuat penilaian sama ada patut dikuatkan atau dilemahkan lagi nilai ringgit.

“Sekarang ini kerana dolar AS jatuh, ringgit kita pun jatuh (sedangkan) nilai dolar Singapura sudah meningkat, jadi apakah ini baik untuk kita atau tidak?

“Hak itu terpulang kepada kerajaan untuk mengkaji,” tegas Dr. Mahathir.

Sejak dua tahun kebelakangan, pelbagai pihak mencadangkan supaya kadar ringgit dikaji semula berikutan kejatuhan ketara dolar AS di pasaran mata wang dunia yang menjejaskan nilai mata wang tempatan.

Tambatan ringgit kepada dolar merupakan langkah kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir pada bulan September 1998, untuk menangani serangan oleh spekulator mata wang antarabangsa yang menyebabkan nilai ringgit jatuh sehingga paras terendah RM4.88 kepada setiap dolar AS, berbanding kira-kira RM2.52 pada tahun 1996.

Dua minggu selepas langkah kawalan mata wang diperkenalkan iaitu pada 15 September 1998, kadar tukaran ringgit kepada setiap 100 yen ialah RM2.86 manakala kepada setiap pound sterling ialah RM6.38.

Sehingga semalam, kadar tukaran ringgit kepada setiap 100 yen dan pound sterling masing-masing ialah RM3.70 dan RM7.05.

Mata wang euro pula belum lagi digunakan oleh Kesatuan Eropah pada tahun 1998 untuk dibuat perbandingan.